



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

PLANMalaysia KOMITED UNTUK TERUS BERTINDAK SEBAGAI PENYELARAS DALAM MEMUDAHCARA PERANCANGAN KAWASAN SUMBER MAKANAN NEGARA

PUTRAJAYA, 27 April 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia sentiasa mendokong agenda penting Kerajaan dengan bertindak sebagai penyelararas dalam memudahcara perancangan kawasan sumber makanan negara. Ia juga sepertimana yang telah dipersetujui semasa pembentangan kertas pertimbangan khas (*alert paper*) mengenai **Keperluan Penetapan 10% Keluasan Tanah Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan Bagi Memastikan Keterjaminan Makanan Negara** di dalam Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-41 (Bil.1/2023) yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri pada 17 April 2023.

Dasar Agromakanan Negara atau DAN 2.0 telah merumuskan beberapa cabaran berkaitan sektor agromakanan antaranya **kekurangan sumber asli termasuk tanah** dan air, tahap adaptasi teknologi dan mekanisasi yang masih rendah, petani yang berusia dan saiz ladang yang kecil, di mana **kesemuanya menjadi faktor penghalang pengeluaran makanan berskala komersil**.

Berdasarkan situasi semasa dari segi **nilai import makanan**, tahun 2022 merekodkan jumlah import yang tinggi iaitu RM75.54 bilion dan nilai ini **dijangka boleh mencecah RM100 bilion menjelang 2025**. Situasi ini mungkin menjadi semakin buruk sekiranya terdapat konflik sosio-politik, pandemik atau bencana alam akibat perubahan iklim yang semakin tidak menentu di masa hadapan.

Antara dapatan penting yang dikongsikan dalam kertas pertimbangan tersebut adalah terdapat **pengurangan** kawasan pengeluaran makanan, iaitu daripada **935,161 hektar pada tahun 2020 kepada 870,994 hektar pada tahun 2021**, di mana antara faktor pengurangan adalah seluas 123 ribu hektar telah ditukar guna kepada pertanian kelapa sawit dan pembangunan bandar. Dengan keluasan sedia ada pada tahun 2021, **self-sufficiency ratio (SSR) yang dapat dicapai adalah masih rendah**, contohnya bagi beras SSR adalah 65%, dan bagi daging lembu dan kerbau SSR adalah 19% sahaja.

Selain itu, sebanyak **19% kawasan Jelapang Padi** yang kebanyakannya tanah milik individu **telah dizonkan untuk pembangunan bandar**. Tambahan lagi sebilangan besar kawasan pengeluaran makanan sedia ada terletak di dalam **kawasan terancam dan kurang sesuai (45%** daripada kawasan pengeluaran sedia ada) atau **terdedah kepada risiko bencana (62%** daripada kawasan pengeluaran sedia ada). Keadaan ini menyebabkan wujud keperluan untuk menyediakan kawasan pengeluaran makanan baharu.

Oleh yang demikian, **PLANMalaysia** telah menjalankan kajian berkenaan perancangan guna tanah bagi tujuan pengekalan, pemuliharaan dan peningkatan kawasan sumber makanan negara. Kajian ini telah melibatkan beberapa siri libat urus dengan agensi-agensinya yang berkepentingan terutamanya **Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)** dan agensi-agensinya di bawahnya.

Kajian ini mencadangkan **perlunya penetapan peratusan kawasan sumber makanan yang bersesuaian untuk mencapai sasaran SSR yang telah ditetapkan** dalam DAN 2.0 dan Rancangan Fizikal Negara ke-4; di mana agenda ini perlu dilaksanakan melalui **kerjasama dengan Kerajaan Negeri dengan agihan peratusan bagi setiap negeri dibuat berdasarkan kawasan yang berpotensi untuk dijadikan kawasan pengeluaran makanan baharu**. Kawasan pengeluaran makanan yang dimaksudkan ini **terdiri daripada kawasan Jelapang Padi dan luar Jelapang Padi, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Tanaman, TKPM Penternakan, padang ragut dan Zon Industri Akuakultur (ZIA)**.

Cadangan ini mempunyai beberapa implikasi dan faedah kepada masyarakat, iaitu **mengurangkan kebergantungan terhadap import sumber makanan, menjamin kemudahan makanan yang berterusan kepada rakyat dan meningkatkan tahap pendapatan pengeluar makanan** serta mengukuhkan kedudukan negara dalam konteks **Global Food Security Index (GFSI)** dari segi **ketersediaan, kebolehcapaian atau kuasa membeli, kestabilan dan kemampuan**.

Selain itu, ianya dapat **meningkatkan sumbangan sektor agromakanan** kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, mengurangkan **impak bencana terhadap kestabilan makanan negara** melalui pengenalpastian kawasan baharu yang bersesuaian, dapat mempergiatkan **adaptasi teknologi terkini** dalam sektor agromakanan dan **menggalakkan penglibatan golongan belia**. Cadangan ini juga mungkin memberi implikasi kewangan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi penyediaan infrastruktur dan berkait dengan kos melepasi (*opportunity cost*) akibat pengekalan kawasan sumber makanan.

Melalui perbincangan dalam Mesyuarat tersebut, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diingatkan untuk **mengambil perhatian mengenai keperluan kawasan pengeluaran makanan negara di masa hadapan** bagi memastikan keterjaminan makanan negara. Selain itu, Mesyuarat juga bersetuju agar pengiraan 10% ini turut mengambil kira **sumbangan keluasan daripada Negeri Sabah dan Sarawak**. Mesyuarat juga menyarankan supaya fokus diberikan kepada **peningkatan**

produktiviti agromakanan berbanding peningkatan keluasan kawasan, **terutamanya bagi negeri-negeri yang sedia ada mempunyai kawasan agromakanan yang luas seperti Kedah dan Kelantan.**

Dalam pada itu, KPKT komited dalam menyambut baik saranan YAB Perdana Menteri supaya PLANMalaysia kekal berperanan sebagai pemudahcara dalam semua urusan yang melibatkan permohonan cadangan pembangunan terutamanya permohonan yang datang dari pihak pelabur asing khususnya dalam menjadikan negara ini sebagai destinasi utama pelabur dari luar negara.

Justeru, keperluan urusan proses perkhidmatan terutamanya yang melibatkan permohonan kebenaran merancang, pelan bangunan, pelan kejuruteraan dan sebagainya dapat diberikan perhatian segera dan dapat dipertimbangkan sewajarnya supaya kelulusan diperolehi dalam tempoh masa yang ideal demi satu perubahan terhadap pendekatan proses penyampaian perkhidmatan negara khususnya dalam memastikan kelancaran pertumbuhan terhadap ekonomi yang semakin rancak kini.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. I-KPKT. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon: 03-8891 5555 | Faks: 03-8891 5557 | E-mel: media.ukk@kpkt.gov.my

